

## BAB 5

### PENUTUP

Memperkatakan tentang teks cerita-cerita Panji dan melihat pengaruh serta peranannya dalam kesusasteraan Melayu adalah sesuatu yang menarik. Kemasukan cerita Panji dalam bentuk asalnya dari Jawa pada peringkat awalnya tidak menampakkan perubahan yang ketara, terutamanya bagi cerita Panji Melayu. Cerita ini diterima masuk ke dalam masyarakat-masyarakat di Nusantara kerana ia mempunyai pelbagai keistimewaan. Penulis mengakui bahawa cerita Panji mempunyai unsur-unsur hiburan yang menjadi daya penarik utama, namun penerimaannya ke dalam masyarakat Melayu juga adalah kerana ia mempunyai unsur moral yang amat dititikberatkan oleh ahli masyarakat tersebut. Oleh kerana itu ia amat mudah diterima oleh masyarakat Melayu. Ini kerana masyarakat Melayu memegang konsep bahawa sesebuah karya sastera semestinya sebuah karya yang indah bukan hanya dari segi bahasanya tetapi juga dari segi isinya. Etika dan moral yang dapat mengharmonikan masyarakat itulah yang merupakan unsur keindahan utama yang ditekankan oleh masyarakat Melayu tradisi.

Masyarakat Melayu mula berkembang dan berinteraksi dengan masyarakat luar sejak masyarakat itu belum mengenal huruf (tertutup), kemudian secara evolusi tulisan diperkenalkan (separa terbuka) dan akhirnya sebagai sebuah masyarakat yang celik huruf. Masyarakat Melayu sendiri telah terkenal sebagai pedagang dan pelaut yang mahir. Ini mengizinkan mereka melihat dan bergaul

dengan masyarakat luar terutamanya di Nusantara ini. Pergaulan tersebut yang telah sedikit sebanyak memperkenalkan mereka kepada kesusasteraan luar khususnya dalam kajian ini kesusasteraan Jawa. Bahkan penulis juga menyetujui pendapat bahawa penyebaran pengaruh kesusasteraan Hindu di alam Melayu juga adalah berpusat dari tanah Jawa.

Kedatangan orang-orang luar ke Tanah Melayu juga tidak dapat dinafikan pentingnya di dalam persoalan kemasukan pengaruh-pengaruh asing tersebut. Masyarakat Jawa telah lama mengenali dunia Melayu. Dalam zaman tradisi masyarakat Nusantara bebas untuk berhijrah ke mana sahaja kerana tiada sekatan sempadan malah dianggap sebagai satu rumpun keluarga. Sewaktu penghijrahan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu dan negeri-negeri lain di Nusantara, mereka telah membawa bersama-sama unsur-unsur kebudayaan, termasuklah hasil-hasil kesusasteraan tersebut. Faktor ini tidak dapat diragukan pentingnya dalam perkembangan kesusasteraan Melayu kerana jumlah orang-orang Jawa di Tanah Melayu amat ramai.

Dalam bab kedua telah disentuh persoalan istilah 'Panji' yang sering dibicarakan oleh para sarjana yang mencari makna asalnya di Jawa. Penulis telah melihat tentang istilah tersebut yang mengalami perubahan makna dan tafsiran dalam masyarakat-masyarakat lain di Nusantara. Bagi masyarakat Melayu sendiri umpamanya istilah 'Panji' telah digunakan dengan membawa maksud yang agak

berbeza daripada makna asalnya itu. Contohnya penggunaan istilah 'panji' yang digunakan oleh pengarang Hikayat Anggun Che Tunggal:

menempuhi petaka angin

penyalamat Turun **angin Selatan Tuk Panji**.

Angin yang bergambar orang,  
Yang mencabutkan cekur di halaman,  
Dan mencabutkan malai-malai di lumpur,  
Dan merebahkan kerbau di padang,  
Dan menyapu nyiur dara di halaman,  
Angin berkerusi karang tembaga,  
Belanak main ditinjau karang,  
Yu bermain di pintu kurung.<sup>1</sup>

daripada angin

Kunci Dalam petikan bahasa berirama di atas penutur cerita ini cuba menggambarkan betapa kuat dan dahsyatnya ribut taufan yang berlaku. Taufan yang digelar angin "Selatan Tuk Panji" ini mempunyai kekuatan yang luar biasa sehingga mampu mencabut pokok-pokok dan merebahkan binatang di padang. Istilah 'panji' yang digunakan oleh pencerita membawa maksud kekuatan dan kehebatan. Di sini pengarangnya mungkin telah terpengaruh dengan kehebatan dan keberanian yang dimiliki oleh Panji (Inu) dalam cerita-cerita Panji lalu menamakan angin taufan yang dahsyat tersebut sebagai "Angin Selatan Tuk Panji".

Menyentuh mengenai peristilahan tersebut, penulis telah membuat satu kesimpulan bahawa makna 'Panji' yang sebenar (dalam CP) mestilha dirujuk kepada maksud tersirat yang didokong oleh istilah 'tunggal wulung' atau 'panji sakti'. Dalam

---

<sup>1</sup> .Pawang Ana.1987.Hikayat Anggun Che Tunggal. Fajar Bakti.  
Petaling Jaya.hal.1

kata lain, istilah 'panji' itu hanya boleh digunakan oleh anak-anak raja yang keluar mengembara sebagai kelana, yang di dalam pengembaraan mereka terpaksa menempuhi pelbagai rintangan. Penggunaan istilah ini telah bertindak sebagai penyelamat maruah dan martabat raja-raja tersebut. Anak-anak raja ini akhirnya berjaya melepasi segala dugaan-dugaan yang diturunkan oleh Sang Hyang Utama dan mereka hidup bahagia untuk selama-lamanya.

Dari segi peranannya pula, cerita Panji telah mengalami perubahan daripada fungsi asalnya dalam masyarakat Jawa tradisi. Jika dalam masyarakat Jawa Kuno, cerita tersebut mempunyai tujuan-tujuan propaganda untuk mengangkat martabat raja di samping memperkukuhkan kepercayaan ahli masyarakat bahawa nenek moyang mereka berasal dari kayangan. Tafsiran tersebut tidak lagi digunakan oleh masyarakat di luar Jawa. Dalam masyarakat Melayu, cerita tersebut lebih berperanan sebagai wahana pendidikan di samping fungsinya untuk tujuan hiburan. Hanya dalam masyarakat di Selatan Thai cerita Panji masih dianggap sebagai cerita yang mempunyai unsur-unsur sakral. Cerita-cerita ini hanya dimainkan semasa pengubatan atau untuk tujuan-tujuan membayar nazar.<sup>2</sup>

Persamaan dan perbezaan antara cerita Panji Jawa dan cerita-cerita Panji di Nusantara juga menjadi topik yang dibicarakan oleh penulis pada bab yang kedua. Penulis bersetuju dengan kenyataan oleh kebanyakan sarjana terdahulu yang

---

<sup>2</sup> .lihat Rattiyah Salleh.1988.**Panji Thai Dalam Perbandingan dengan Cerita-cerita Panji Melayu**.DBP.K.L.hal.45.

menyatakan bahawa perbezaan yang utama di antara cerita Panji Jawa dan Panji lainnya ialah dari segi bahasa penyampaian cerita-cerita tersebut di dalam masyarakat tertentu. Dalam cerita-cerita Panji di luar Jawa, unsur lain yang amat penting untuk dikaji ialah kehadiran unsur-unsur tempatan yang mewarnai penceritaan. Gaya penceritaan yang merangkumi watak-perwatakan, gaya bahasa dan lainnya sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh adunan pengarang dengan budaya dan pemikiran masyarakat tempatan.

Umpamanya dalam cerita Panji Melayu telah ditonjolkan watak ibu tiri (Mahadewi atau Paduka Liku) yang mempunyai sikap iri hati terhadap Galuh. Sikap tersebut tidak pernah ditemui dalam cerita-cerita Panji Jawa. Kemudian dari segi latar misalnya, Raden Kusuma Agung (HMTJK) dikatakan telah mengembara mencari Galuh sehingga ke Tanah Melayu dan mengahwini Puteri Ratu Melayu. Hakikatnya percubaan mengaitkan unsur-unsur tempatan dengan cerita Panji memang dilakukan secara sedar oleh pengarang. Ia dilakukan dengan tujuan untuk menarik perhatian khalayak supaya terus menikmati karya tersebut. Lama-kelamaan tradisi ini menjadi suatu kebiasaan sehingga masyarakat Melayu dapat menerima cerita-cerita tersebut sebagai salah satu khazanah kesusasteraan Melayu dan bukan lagi cerita asing. Tradisi masyarakat Melayu juga telah mengizinkan pengarang-pengarang Melayu melakukan tokok tambah atau penyesuaian terhadap cerita-cerita Panji.

Perbincangan dalam bab kedua juga menyentuh tentang faktor-faktor yang menyebabkan cerita Panji berkembang di luar Jawa. Para sarjana terdahulu hampir semua sepakat menyatakan bahawa terdapat dua faktor penting yang mengarah kepada berlakunya perkembangan cerita Panji. Pertamanya, faktor dalaman yakni unsur-unsur intrinsik cerita Panji itu sendiri. Dalam hal ini, kisah percintaan Inu dan Galuh yang teguh dan dihalangi pelbagai dugaan, serta unsur-unsur realiti dan manusiawi yang terpancar melalui cerita ini, merupakan faktor dalaman utama menarik perhatian khalayak. Selain itu bentuk penyampaian yang hampir sama dengan bentuk lipurlara dan hikayat mengizinkan diterima oleh masyarakat Melayu.

Dari segi faktor luarannya, penulis menyetujui kenyataan bahawa penyebaran cerita tersebut berlaku akibat faktor dalaman di Jawa dan juga di pihak masyarakat yang menerima cerita ini di luar Jawa. Penyebaran secara lisan ke Nusantara tidak dapat dinafikan pentingnya kerana kebanyakan ahli masyarakat sama ada di Jawa mahupun di daerah lain di Nusantara pada ketika itu masih lagi merupakan manusia-manusia yang buta huruf. Kedatangan Islam ke Nusantara pada peringkat awal juga tidak dapat mengubah secara drastik sifat-sifat ketunaaksaraan masyarakat Nusantara.

Berkaitan perkembangan cerita Panji di Kemboja kebanyakan para sarjana terdahulu menyetujui pendapat bahawa cerita Panji berkembang di negara itu melalui Tanah Melayu. Hal tersebut dikatakan terbukti kerana terdapat beberapa

perkataan seperti **INU-EAYNO**; **KERTAPATI-KARATPATI** dan sebagainya yang dikatakan merupakan salah pembacaan dari teks-teks Jawi-Melayu. Penulis dalam hal ini tidak menolak kenyataan tersebut; tetapi sejarah Kemboja telah menunjukkan bahawa bukan hanya orang Melayu sahaja yang telah berhijrah ke Kemboja serta berjaya menjadi pentadbir di sana.

Kenyataan Po Dharma<sup>3</sup> menunjukkan bahawa orang-orang Jawa juga pernah belayar dan singgah di Kemboja untuk menetap di sana. Oleh kerana itu, penulis juga tidak menolak bahawa kemungkinan cerita-cerita Panji telah dibawa secara lisan mahupun tulisan oleh kumpulan orang-orang Jawa ini ke Kemboja. Perubahan-perubahan pada perkataan tertentu itu mungkin disebabkan oleh perbezaan pengucapan antara dialek Kemboja dan Jawa itu sendiri.

Faktor-faktor di tanah Jawa yang merupakan faktor yang menolak cerita ini keluar juga telah dibincang. Ia termasuklah kenyataan bahawa penyebaran cerita-cerita tersebut sebagai salah satu propaganda kerajaan-kerajaan di Jawa dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan martabat dan kepercayaan masyarakat di dalam dan luar Jawa supaya tunduk kepada kekuasaan mereka. Usaha tersebut dijalankan bagi mengukuhkan kedudukan mereka di mata masyarakat Nusantara.

---

<sup>3</sup> .Po Dharma dalam seminarnya "**Catatan Tentang Orang Melayu di Indochina**"; (1989) menyebut tentang tiga kumpulan orang Melayu di Kemboja yakni Jva Krap (Sumatera); Jva Iyava (Jawa) dan Jva Melayu (Semenanjung Tanah Melayu).

Perbincangan dalam bab keempat pula menunjukkan bahawa unsur-unsur kejawaan dan kepanjian telah menyebatkan diri ke dalam kesusasteraan Melayu klasik. Kesepaduan ini telah dibuktikan melalui tema yang didokongi oleh cereka-cereka Melayu yang dikaji. Percintaan yang merupakan suatu unsur sejagat telah menarik minat masyarakat Melayu terhadap cerita Panji. Ini diperkuatkan lagi dengan motif kisah percintaan tersebut yang merupakan sebuah tragedi kerana watak wira dan wirawatnya terpaksa melalui zaman perpisahan yang penuh dengan pelbagai dugaan. Oleh kerana cereka-cereka Melayu klasik juga mempunyai tema yang hampir sama; maka pengarang-pengarang Melayu mudah mengolah semula cerita tersebut ke dalam skema yang sedia ada.

Pengarang-pengarang Melayu yang terpicat dengan unsur cinta Inu dan Galuh telah mewarnakan pula karya-karya tradisi dengan percintaan tokoh-tokoh seperti Agung dan Cahaya Keinderaan; DS dan Intan Terpilih; Zainal Abidin dan Siti Zubaidah serta lain-lain. Setiap pasangan tersebut tidaklah memiliki kebahagiaan dengan mudah. Mereka terpaksa menempuh pelbagai dugaan sebelum layak dikurniakan kebahagiaan oleh Tuhan. Di dalam semua cereka ini, kesemua tokoh tersebut berjaya mencapai kebahagiaan berkat kesabaran, ketabahan, keberanian dan kesungguhan.

Perbincangan-perbincangan tersebut juga memperlihatkan kesamaan cara menanggapi konsep kehidupan antara manusia Jawa dan manusia Melayu sendiri. Kedua-dua masyarakat ini memegang konsep bahawa untuk mencapai



sesuatu kejayaan seseorang itu mestilah melalui zaman keperitan. Setiap insan tidak dapat lari dari menghadapi segala dugaan kerana sama ada manusia Jawa (di zaman Hindu atau selepasnya) mahupun orang-orang Melayu, masing-masing mempercayai bahawa ada kuasa yang lebih besar yang menentukan keseluruhan kehidupan manusia. Kuasa tersebut dalam cerita-cerita Panji adalah Sang Hyang Utama dan berubah secara perlahan-lahan sehingga ketika pengukuhan agama Islam, maka kuasa yang paling tinggi adalah Allah S.W.T. Dugaan-dugaan yang mesti dilalui oleh manusia di dunia ini adalah ujian semata-mata. Setiap insan yang dapat menempuhi ujian-ujian ini dengan tabah dan yakin; maka mereka pasti akan mendapat kejayaan dan kebahagiaan.

Persamaan konsep kehidupan ini bukan hanya didokongi oleh temanya sahaja, malah juga terpancar melalui perlukisan watak dan perwatakan tokoh-tokoh terbabit. Secara umumnya unsur ini mempunyai persamaan yang agak ketara. Di dalam cerita-cerita Panji tokoh-tokoh utamanya merupakan anak-anak raja yang memiliki serba sifat kekamilan. Mereka bukan hanya hebat dari segi kecantikan paras rupa malah memiliki kecantikan rohani yang tidak dapat ditandingi oleh manusia biasa. Tokoh-tokoh seperti Inu yang tabah, cekal dan berani juga sering ditemui di dalam cereka-cereka Melayu klasik. Bahkan ada watak-watak yang menerima pengaruh daripada watak Inu/Galuh; digambarkan lebih hebat daripada watak tersebut oleh pengarang Melayu.

Panji dan Watak Dandan Setia, Agung dan Inderaputera serta Cendawan Putih umpamanya keluar mengembara seorang diri berbekalkan keyakinan dan keberanian diri sendiri. Seperti juga unsur-unsur lain yang mempengaruhi cereka Melayu klasik, unsur tersebut mengalami pengolahan semula dengan tokok-tambah dan penyesuaian tertentu yang bukan hanya mencantikkan cerita malah menjadikannya sebuah kisah yang baru.

Begitu pula halnya tentang perjalanan cerita atau struktur plot; kebanyakan teks kajian menunjukkan persamaan dengan cerita Panji, terutamanya bagi cerita-cerita **SA**; **SDS** dan **SZS**. Gaya pengarang Melayu yang menggabungkan beberapa bentuk penulisan Melayu tradisi seperti hikayat, lipurlara dan cerita Panji menjadikan cereka-cereka tersebut memiliki suatu kelainan yang unik. Unsur-unsur Panji-Jawa bukan hanya menjadi rujukan, tetapi juga memberi sumber ilham kepada pengarang Melayu tradisi untuk membentuk sesuatu yang baru. Umpamanya yang paling ketara ialah **HHT**, **SDS** dan **SSZ** secara tidak disedari sebenarnya dicipta untuk menandingi kepopularan dan keupayaan cerita-cerita Panji.

**SSZ** merupakan karya yang terindah untuk dibandingkan dengan cerita-cerita Panji kerana ia memiliki hampir keseluruhan unsur Panji malah diperindahkan lagi dengan beberapa unsur kesempurnaan yang lain. Sekiranya wira dan wirawati cerita Panji mempamerkan watak-watak yang mewakili manusia Jawa asli, kejawaan dan kehinduannya; maka **SSZ** pula disempurnakan dengan memakaikan tokoh dan jalan ceritanya dengan unsur-unsur keislaman dalam semua segi kehidupan.

Penonjolan Islam sebagai satu cara hidup ini ditonjolkan melalui watak-watak Pendeta Ulama; Zainal Abidin serta para sahabatnya dan Zubaidah sendiri sebagai wirawatnya.

Sementara di dalam SDS pula pewarnaan cerita Panji amat ketara pada tema, watak perwatakan, struktur plot dan juga penggunaan gaya bahasanya. Walaupun tidak menepati andaian H.Overbeck<sup>4</sup> bahawa syair ini dapat dianggap sebagai salah satu versi cerita Panji sekiranya wujud dalam bentuk prosa; penulis menyetujui bahawa syair ini kuat dipengaruhi oleh cerita-cerita tersebut. Ini dibuktikan oleh gaya perlukisan watak-watak utamanya serta kehadiran unsur-unsur Jawa-Panji dalam penggunaan gaya bahasa.

Perbezaan yang ketara hanyalah dari segi latar. Kebanyakan cereka-cereka Melayu ini tidak memilih tempat berlakunya peristiwa cerita di Tanah Jawa mahupun di Tanah Melayu sendiri. Kekecualian hanya terlihat pada **Syair Cendawan Putih** yang memilih Jawa sebagai latarnya. Namun begitu tidak dinyatakan dengan tepat dan terperinci negeri-negeri di Jawa seperti lazimnya terlibat dalam cerita Panji. **Sejarah Melayu** dan **HHT** ada menyebut beberapa latar di Jawa. Misalnya **Sejarah Melayu** menceritakan tentang Majapahit, sementara **HHT** pula mengambil Majapahit,

---

<sup>4</sup> "There is a very strong reminiscence of the Panji Legend in it; and if a Hikayat Dandan Setia should exist, it is probably another Malay version of the Javanese tale, transferred by the Malays into a milieu more familiar to them than the kindoms of East Java."  
(**JMBRAS**:1932:141)


Lasem, Kuripan dan lain-lain sebagai latar bagi bab-bab tertentu. Umpamanya di dalam **HHT** diceritakan tentang keadaan huru-hara di Lasem sewaktu kehilangan Galoh. Perdana Menteri Lasem, Patih Kerma Wijaya telah ditugaskan supaya membantu Kuripan. Semasa peperangan inilah Patih tersebut telah menitahkan pengikut-pengikutnya menjemput anak gadisnya tetapi Ratu Lasem telah merampas anaknya itu menyebabkan Patih kecewa. Peristiwa ini telah menyebabkan Patih Kerma Wijaya lari meninggalkan Lasem lalu berhijrah ke Melaka.

Dari sudut penggunaan gaya bahasa, pengarang-pengarang Melayu klasik mempunyai pengetahuan yang baik dan menguasai karya-karya kesusasteraan Jawa. Cerita-cerita Panji memberi bekas dari sudut pemilihan kata Jawa yang sebatik digunakan oleh pengarang-pengarang dewasa itu. Kesimpulan ini dibuat bukan hanya dari segi jumlah kosa kata Jawa yang amat ketara penggunaannya di dalam karya-karya yang dikaji. Malah ada di antara pengarang-pengarang ini yang memasukkan secara langsung dialog-dialog dan ungkapan-ungkapan dalam bahasa Jawa. Umpamanya dalam perlukisan watak Hang Tuah<sup>5</sup> dan Raden Wira Nantaja<sup>6</sup>

Penggunaan atau pengambilan ayat-ayat tertentu dari khazanah kesusasteraan Jawa dapat dilihat terutamanya di dalam kedua-dua karya agung sastera Melayu yakni **SM** dan juga **HHT**. Pengarang kedua-dua karya tersebut jelas

---

<sup>5</sup> .lihat W.G Shellabear. 1991.**Sejarah Melayu**.Fajar Bakti.  
P.Jaya.hal.88

<sup>6</sup> .lihat Kassim Ahmad.1993.**Hikayat Hang Tuah**.DBP.KL.   
hal.61.

memperlihatkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang amat mendalam tentang bahasa dan kesusasteraan Jawa.

Latar cerita Panji yang lebih mengarah kepada dunia realiti juga sebenarnya menjadi sumber inspirasi kepada pengarang-pengarang Melayu untuk menulis tentang alam yang lebih nyata. Pada zaman awal perkembangan kesusasteraan Melayu klasik latar tempatnya lebih mengarah kepada alam kayangan, sementara latar dunia yang diceritakan tidak dapat dikesan tempatnya.

Kesimpulannya, pewarnaan cerita Panji di dalam cerita-cerita Melayu klasik bukan sekadar sebagai templen semata-mata. Di dalam perbincangan dan penganalisaan yang telah dilakukan menunjukkan bahawa ia telah mempengaruhi pembentukan karya-karya tertentu dalam perkembangan kesusasteraan Melayu kalsik. Cerita Panji bukan hanya memikat khalayak Melayu dengan kisah percintaannya tetapi juga dengan nilai-nilai murni dalam kehidupan yang ditonjolkan oleh cerita itu. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengarang-pengarang Melayu tradisi dalam proses kreativiti mereka; telah berjaya memanipulasi unsur-unsur naratif dari sumber luar (khasnya Panji), untuk membina sebuah karya baru dengan fungsi, nilai dan makna yang berbeza daripada asalnya. Perbincangan ini diharap dapat menolak segala tanggapan negatif tentang kehadiran percikan sumber-sumber luar khasnya cerita-cerita Panji di dalam karya-karya kesusasteraan Melayu kalsik.